

Newspaper	Mingguan Malaysia
Date	11 October 2015



NAJIB TUN RAZAK dan Rosmah Mansor pada majlis Anugerah Usahawan SME Bank di Kuala Lumpur, malam tadi. Turut kelihatan, Mustapa Mohamed (duduk, dua dari kiri); Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Masian (duduk, kiri); Pengarah Urusan Kumpulan SME Bank, Datuk Mohd. Radzif Mohd. Yunus (duduk, kanan) dan Faizah Mohd. Tahir (duduk, dua dari kanan).
- BERNAMA

Malaysia bukan negara gagal

Mm-11/10/2015

Oleh **AZMAN IBRAHIM**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 10 OKT.**

MALAYSIA terbukti bukan sebuah negara gagal kerana mempunyai daya tahan dan langkah pengukuhan ekonomi yang dijalankan kerajaan diperakui agensi penarafan antarabangsa, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, daya saing ekonomi negara juga akan ter-

us diperkukuh selepas menduduki tangga ke-18 daripada 140 negara dalam Global Competitiveness Report 2015-2016 yang dikeluarkan oleh World Economic Forum, peningkatan berbanding tempat ke-20 pada tahun lalu.

“Dua perkara yang disebut positif oleh agensi penarafan antarabangsa pada waktu ini iaitu sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST) dan program rasionalisasi subsidi negara. Keputusan ini amat tepat dijalankan kerajaan.

“Kedua-dua pendekatan ini tidak popular dari segi sambutan, tetapi membina kekuatan dan daya tahan negara,” katanya sewaktu berucap dalam majlis Anugerah Usahawan SME Bank di sini malam ini.

Yang turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Pengerusi SME Bank, Tan Sri Faizah Mohd. Tahir dan Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Tan

Sri Amirsham A. Aziz.

Anugerah Perdana dan Anugerah Usahawan Paling Cemerlang SME Bank dimenangi oleh Shamsulbahrin Ludin dari Advance Pact Sdn. Bhd., Anugerah Paling Inovatif (Datuk Ir. Muhamad Guntur Mansor Tobeng dari Gading Kencana Sdn. Bhd.), Anugerah Usahawan Paling Menjanjikan (Mohd. Pozi Hassan dari Pozi Food Services) dan Anugerah Usahawan Wanita (Norsharina Mohd, Shahar dari Gaia Plas Sdn. Bhd).